

Kerjasama UMS dan Pemain Industri Rangsang Sosio Ekonomi, Jana Pertumbuhan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 21 Ogos 2019 10:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 90

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN, 19 Ogos - Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pemain industri bukan sahaja mengukuhkan penyelidikan tetapi juga merangsang sosio ekonomi dan menjana pertumbuhan kepada masyarakat di Sabah. Naib Canselor UMS Prof.

Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata perkongsian sejati antara kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan adalah penting untuk memastikan kejayaan generasi akan datang.

Beliau berkata antara perkara yang boleh membantu dalam kejayaan generasi akan datang adalah input daripada industri kepada graduan, sama ada mereka telahpun atau akan berada dalam tenaga kerja dalam masa yang singkat.

"Mengkaji kurikulum membolehkan kami terus meningkatkan graduan kami dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh industri.

"Ada yang mungkin bertanya kenapa kita harus memanfaatkannya Menyediakan bakat kepada industri akan menjadi aset kepada negara," katanya pada perasmian Simposium IT Sabah oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal di sini hari ini.

Beliau berkata rakan industri baharu universiti ialah Cybersecurity Malaysia, Celcom Timur Sabah Sdn Bhd, Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd, NEM Malaysia Sdn Bhd, Fusionex Innovation dan MISA Sdn Bhd.

Prof. Dr. Taufiq berkata beberapa kejayaan telah dicapai dalam kerjasama industri-akademik yang sedang berjalan dan contohnya ialah penubuhan Makmal Huawei yang membolehkan pelajar menjalani latihan dan akhirnya memperoleh pensijilan.

Beliau berkata kolaborasi dengan Celcom Timur menyediakan makmal untuk pelajar mengalami pendedahan industri yang membolehkan mereka menaplikasi apa yang mereka pelajari dalam teori.

"Melalui kerjasama universiti dengan Sabah.Net, pelajar dilengkapi dengan ilmu keselamatan khususnya di bawah teknologi blockchain", katanya.

Prof. Dr. Taufiq juga berkata kerjasama antara UMS dan Cybersecurity Malaysia ditubuhkan di bawah Fakulti Pengkomputeran dan Infromatik untuk menyediakan perkhidmatan Forensik Digital.

Sumber : BERNAMA